

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 DISEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 38

Indeks harga pengeluar terus menyederhana tahun ini

Indeks harga pengeluar terus menyederhana tahun ini



FAKTOR cuaca didapati telah memberi kesan kepada harga sayur di peringkat pengeluar dan memberi impak kepada pengguna.

PETALING JAYA – Kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia, yang mengukur harga barangan di pintu kilang terus menyederhana untuk mencatatkan 3.2 peratus pada November 2022 berbanding empat peratus pada Oktober, menurut Jabatan Perangkaan.

Katanya, kenaikan IHPR bulan lalu adalah disebabkan oleh kesan asas yang lebih rendah, walaupun harga komoditi utama mula menunjukkan trend meningkat.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, pada November 2022, semua sek-

tor mencatatkan kenaikan kecuali sektor pertanian, perhutanan & perikanan yang mencatatkan kejatuhan negatif 18.5 peratus (Oktober 2022: -18.2 peratus).

"Ini disebabkan oleh penurunan dalam indeks penanaman tanaman kekal (-28.9%), yang merekodkan penurunan dua digit bagi lima bulan berturut-turut.

"Sementara itu, indeks pembuatan naik 6.2 peratus, indeks perlombongan mencatatkan peningkatan 2.4 peratus manakala indeks utiliti serta indeks bekalan air, bekalan elektrik & gas masing-masing merekodkan

kenaikan 4.2 peratus dan 1.4 peratus," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Uzir menambah, musim hujan telah memberi kesan kepada harga sayur-sayuran dan hasil laut, menyebabkan kuantiti dan kualiti hasil tuaian serta hasil laut di peringkat ladang dan pendaratan berkurangan.

"Selain itu, faktor cuaca ini juga telah menjejaskan proses tumbesaran komoditi pertanian dan kenaikan harga sayur-sayuran serta hasil laut di peringkat pengeluar ini memberi kesan kepada harga di peringkat pengguna," jelasnya.